# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 2 OGOS 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | JOM KE MAHA 2022, LOKAL, HM -9 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | NILAI IMPORT MAKANAN SUKU PERTAMA SUDAH CECAH RM1.78 BILION, NASIONAL, BH -4 | |
| 3. | TIADA LAGI KELEWATAN BEKAL BENIH PADI - MAFI, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE | |
| 4. | MAFI MAHU PETANI SABAH MANFAAT GUNA TEKNOLOGI MODEN, HARAKAH DAILY -ONLINE | |
| 5. | MAFI LAKSANA KAEDAH BAHARU ELAK KELEWATAN PEMBEKALAN BENIH PADI OLEH NAFAS BERULANG, BERNAMA -ONLINE | |
| 6. | MAFI SEDIA BANTU PETANI SABAH GUNA TEKNOLOGI TINGKAT KUALITI, PENGELUARAN TANAMAN, BERNAMA -ONLINE | |
| 7. | SIN CHEW DAILY -ONLINE | |
| 8. | NANYANG SIANG PAU -ONLINE | |
| 9 | TAMIL MALAR -ONLINE | |
| 10. | MAFI BERI JAMINAN TIADA KELEWATAN DAPATKAN BENIH PADI, LOKAL, HM -19 | |
| 11. | KEMENTERIAN JAMIN ATASI ISU KELEWATAN BENIH PADI, NASIONAL, BH -7 | |
| 12. | AGC, MAFI DITEGUR GAGAL PERKASA BAHASA MALAYSIA KETIKA BENTANG RUU, NASIONAL, BH -7 | |
| 13. | MAFI JAMIN TIADA KELEWATAN AGIHAN BEKALAN BENIH PADI SAH, NEGARA, KOSMO -6 | |
| 14. | GLC, GLIC TIDAK GANGGU GOLONGAN SASAR MAFI - RONALD, NASIONAL, SH -9 | |
| 15. | MAHA 2022, MUKA DEPAN, KOSMO -1 | |
| 16. | FAMA AMENDMENT PASSED ON THIRD READING, SIN CHEW DAILY -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 17. | LIVESTOCK MARKETING BACK UNDER FAMA, NEWS, NST -3 | |
| 18. | HARGA KEPERLUAN HARIAN MURAH, SARAWAK VOICE -ONLINE | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 19. | HAPUS PERMIT IMPORT AYAM BERKESAN, NASIONAL, BH -4 | LAIN-LAIN |
| 20. | BEKALAN AYAM PULIH, MELEBIHI KEPERLUAN DALAM NEGARA, MUKA DEPAN, BH -1 | |
| 21. | 'PEMBELI PERNAH TAWAR RM30,000 UNTUK DAPATKAN TAM', LOKAL, HM -22 | |
| 22. | DITAWAR RM30,000 UNTUK JUAL 'TAM', NASIONAL, SH -22 | |
| 23. | RELIEF AS CHICKEN SUPPLY STABILISING IN KLANG VALLEY, NATION, THE STAR -3 | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/8/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 9 |

MAHA 2022

# Jom ke MAHA 2022

## *Pameran bermula 4 hingga 14 Ogos beri fokus kepada Agro Trade*

Oleh Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

**Serdang**

Selepas empat tahun, Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 kembali menemui orang ramai 4 hingga 14 Ogos ini dengan bertemakan Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan.

Ia memberikan fokus kepada seperti Agro Trade iaitu membabitkan aktiviti perniagaan dan padanan perniagaan.

Pada masa sama turut mempromosi produk tempatan dan antarabangsa serta Agro Edutainment bagi mempromosi selain memberi kesedaran mengenai kepentingan sektor agromakanan dalam menjamin sumber bekalan makanan negara.

Selain itu, ia merangkumi Agro Lifestyle bagi mempamerkan gaya hidup keluarga agro serta aktiviti nilai tambah di sepanjang rantaian nilai agromakanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dijadual merasmikan pameran itu pada 6 Ogos ini.

Katanya, sebanyak 2,500 ruang pameran dan jualan akan disediakan mengikut segmen termasuk pameran oleh kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, syarikat swasta dan badan korporat, seminar dan konvensyen agromakanan selain pengoperasian laman-laman dan rumah negeri.

Katanya, sembilan Memorandum Persefahaman (MOU) dijangka ditandatangani membabitkan pemain industri sektor agromakanan ketika MAHA 2022 berlangsung membabitkan nilai pelaburan lebih RM4 bilion.

"Semua ini akan berlaku sepanjang 11 hari MAHA dianjurkan kali ini. Kita melihat sambutan daripada pemain industri tempatan agak menggalakkan dan itu akan memberi satu ruang pameran ekspo yang dinantikan rakyat Malaysia.

"Penganjuran sepatutnya dibuat pada tahun 2020, tetapi disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan sempadan, ia tidak dapat dianjurkan. Ini adalah penganjuran selepas empat tahun selepas 2018," katanya pada Media Tour MAHA 2022.

Hadir sama, Timbalan Menteri Mafi Datuk Ahmad Hamzah dan Ketua Setiausaha Mafi Datuk Haslina Abdul Hamid.

Menurutnya, ketika ini persiapan di tapak bagi penganjuran MAHA 2022 menghampiri 100 peratus dan pihaknya bersedia sepenuhnya dengan pelbagai program serta acara menarik yang akan berlangsung sepanjang tempoh itu.

MAHA 2022 selain memberi penekanan kepada acara perdagangan dan perniagaan akan diselitkan juga dengan Program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) melalui aktiviti pameran hasil dan produk pertanian oleh peladang, penternak, nelayan dan usahawan tani.

Katanya, pameran pertanian terbesar dan berprestij yang bakal menampilkan pelbagai produk baharu berkaitan pertanian bersandarkan kepada teknologi terkini, inovasi tempatan dan luar negara, strategi pemasaran dan pengeluaran secara efektif serta pendekatan lain yang mampu membantu sektor itu.

Penganjurannya akan menjadi indikator utama dalam usaha kerajaan melalui kementeriannya memacu pemulihan sektor pertanian dan agromakanan negara selain membantu usahawan tani untuk pulih dan menjamin sekuriti makanan negara.

Waktu operasi MAHA 2022 dijadualkan bermula dari jam 10 pagi hingga 10 malam dan masuk adalah percuma.

> *"Sebanyak sembilan memorandum persefahaman (MoU) membabitkan pelaburan berjumlah RM4 bilion akan ditandatangani pada MAHA kali ini"*
>
> **Dr Ronald Kiandee**




DR Ronald (tengah) meninjau persiapan terakhir yang dilakukan di MAHA 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps), Serdang. - Gambar NSTP/FATHIL ASRI








DR Ronald mencuba buah nangka pada Media Tour MAHA 2022.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 2/8/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 4 |

# Nilai import makanan suku pertama sudah cecah RM17.8 bilion

**Kuala Lumpur:** Nilai import makanan Malaysia dijangka lebih tinggi tahun ini melepasi paras tertinggi yang pernah direkodkan tahun lalu iaitu sebanyak RM63 bilion setahun.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata import makanan yang direkod negara pada suku pertama tahun ini sahaja sudah mencecah RM17.8 bilion.

"Kalau 2020 kita bising, sebab RM50 bilion kita import barang makanan dari luar. Tahun 2021, import naik lagi iaitu sebanyak RM63 bilion dan kita jangka pada tahun ini, kalau kita ukur dari suku pertama (2022) sampai Mac, angka yang kita kumpul sudah sebanyak RM17.8 bilion.

"Ini baru satu (suku, RM17.8 bilion), kalau kita kalikan dengan empat suku, kita (nilai import makanan) melebihi angka 2021," katanya ketika menggulung Rang Undang-Undang (RUU) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2022 di Dewan Rakyat, semalam.

**RUU dilulus sebulat suara**

RUU itu diluluskan Dewan Rakyat secara sebulat suara, antara lain membolehkan Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai kuasa menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Azhar Azizan Harun mengumumkan RUU itu diluluskan tanpa pindaan selepas bacaan kali ketiga, selepas ia dibahaskan kira-kira tiga jam oleh 16 Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, bekalan makanan import masih diperlukan rakyat, selain bertujuan untuk menawarkan harga pilihan yang lebih murah kepada pengguna, terutama rakyat yang memerlukan.

"Kita juga perlu sentiasa memberi sokongan kepada usaha kerajaan terutama petani, penternak dan nelayan, yang juga orang yang banyak berkorban demi memastikan bekalan makanan negara stabil," katanya.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam laporannya sebelum ini memaklumkan, pada 2020, Malaysia mengimport RM55.5 bilion produk makanan berbanding eksport sebanyak RM33.8 bilion, dengan nilai import makanan terkumpul berjumlah RM462.8 bilion dalam tempoh 10 tahun, berbanding eksport berjumlah RM296 bilion.

# Hapus permit import ayam berkesan

*Dari Muka 1*

"Antaranya untuk menghapuskan permit import (AP) dan membuka penghantaran pengimportan ayam dari luar. Pada masa yang sama kita menghentikan eksport ayam ke negara luar dan tindakan yang diambil kerajaan ini nampaknya berkesan, dan berjaya menstabilkan bekalan ayam negara kita," katanya menjawab soalan Nurul Izzah Anwar (PH-Permatang Pauh) berhubung tarikh kerajaan akan menarik semula sekatan eksport ayam ke luar negara pada sesi lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Kerajaan sebelum ini menyekat eksport ayam membabitkan bekalan sebanyak 3.6 juta bermula 1 Jun lalu, di tengah krisis bekalan yang terjejas pada awal tahun.

Langkah itu sebahagian daripada intervensi kerajaan bagi mengukuhkan sekuriti makanan, khususnya bagi menstabilkan kembali harga di pasaran.

Bagaimanapun, beberapa pengusaha penternakan baru-baru ini meminta agar kerajaan melonggarkan sekatan selepas bekalan ayam dilihat kembali pulih.



*Lambakan ayam kini menjadikan harga bekalan di pasaran lebih rendah daripada harga ditentukan kerajaan.*

Mengulas lanjut, Ronald berkata, malah ketika ini berlaku sedikit lambakan ayam sehingga menjadikan harga ayam di pasaran tempatan lebih rendah daripada harga sekatan yang ditentukan kerajaan.

**Tambah baik industri**

Memberikan contoh, katanya, pembabitkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) juga antara langkah yang diambil kerajaan bagi menambah baik industri bekalan ayam negara ini.

"Jadi, sama ada NAFAS akan imbang secara besar-besaran atau GLC (syarikat berkaitan kerajaan) lain akan imbang secara besar-besaran dalam industri ternakan ayam adalah keputusan syarikat masing-masing.

Kepada soalan tambahan Steven Choong Shiau Yoon (PBM-Tebrau) dan Sim Tze Tzin (DAP-Bayan Baru) mengenai pemulihan serta langkah untuk meyakinkan pasaran luar mengenai usaha Malaysia mengembangkan sektor ternakan ayam, beliau berkata langkah intervensi sementara itu bukanlah di luar kebiasaan.

"Langkah sama juga dilaksanakan India bagi produk bijirin, manakala Indonesia pula menghentikan sementara eksport kelapa sawit.

"Malaysia mengambil langkah intervensi dalam konteks sama untuk menjamin kestabilan bekalan ayam supaya ia mampu dibekalkan kepada pasaran domestik.

"Ini adalah langkah intervensi yang tentu akan dikaji kerajaan apabila keadaan sudah kembali stabil seperti sedia kala," katanya

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/8/2022 | MALAYSIA GAZETTE | ONLINE | |

# Tiada lagi kelewatan bekal benih padi – MAFI




Ahli Parlimen Beluran, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee ketika hadir pada Sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur. foto FAREEZ FADZIL, 28 NOVEMBER 2019

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan pesawah tidak lagi berdepan dengan kelewatan penghantaran bekalan benih padi.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, pihaknya telah memperkenal kaedah baharu dalam menambah baik sistem pengedaran benih padi dengan 30 peratus diedarkan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) manakala baki 70 peratus disalurkan pemborong yang dilantik di seluruh negara.

"Sejak sistem baharu ini dilaksanakan, rantaian pengedaran benih padi sah lebih teratur dan sistematik, sekali gus isu kelewatan juga dapat ditangani.

"Lesen dan permit peruncit diberi kepada ejen, individu atau syarikat berdaftar dengan kerajaan dan bernaung di bawah pengeluar atau pemborong sedia ada untuk mengedarkan benih padi sah," katanya menjawab pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Ronald berkata demikian bagi menjawab soalan Nurul Izzah Anwar (PH-Permatang Pauh) yang ingin tahun mengenai kelewatan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menurunkan subsidi benih padi kepada petani, selain rasional dan jaminan MAFI dan agensinya tidak mengganggu golongan penternak.

Pada Oktober lalu, seramai 50,000 pesawah di Kedah dam Perlis terkesan ekoran kelewatan penghantaran benih padi.

Ini kerana benih terbabit perlu dihantar ke makmal Jabatan Pertanian bagi proses penilaian.

Tambah Roland, kementeriannya juga telah melaksanakan beberapa pendekatan bagi menjamin tiada kelewatan dalam mendapatkan benih padi sah.

Katanya, ia membabitkan pelantikan 13 pemborong benih padi sah dan 12 syarikat pengeluar, melalui pengeluaran lesen borong oleh Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras (KPB).

Sementara itu, Ronald menafikan pembabitan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), agensi dan pihak swasta yang terlibat dalam program MAFI akan mengganggu golongan sasarannya.

Menurut beliau, pembabitan pihak berkenaan bertujuan menambah baik penyampaian perkhidmatan dalam suasana ekonomi pasca Covid-19 dan landskap ekonomi global semakin kompetitif.

“Kolaborasi awam-swasta juga disebut dalam Teras Dasar 2, Strategi 1 dan 2, Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) adalah sebagai pelengkap dan mengukuhkan lagi rantaian bekalan makanan negara.

“Melalui rangka kerjasama strategik antara kerajaan dan swasta, maka tidak timbul isu GLC, GLIC dan agensi lainnya akan mengganggu-gugat golongan sasar MAFI,” ujarnya. – MalaysiaGazette

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/8/2022 | HARAKAH DAILY | ONLINE | |

# MAFI mahu petani Sabah manfaat guna teknologi moden



Nik Muhammad Zawawi melawat Taman Kekal Pengeluaran Makanan Tawau. (Foto daripada Facebook Ustaz Dr Nik Zawawi Bin Salleh)

**TAWAU:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersedia memberi pendedahan kepada para petani di Sabah bagi penggunaan teknologi pertanian agar menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti serta hasil keluaran tanaman.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Kedua, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata pihaknya bersedia bekerjasama dan mahu para petani di negeri ini memanfaatkan penggunaan teknologi moden seperti dilakukan petani di Semenanjung Malaysia yang kini mencapai tahap 90 peratus.

"Teknologi dan pertanian perlu berjalan seiring sebab ia boleh membantu meningkatkan hasil berkali ganda dan membantu mengurangkan pelbagai perbelanjaan termasuk kos pekerja dan pengurusan setiap hari, misalnya di Semenanjung ada teknologi canggih siram tanaman hanya dengan menekan aplikasi telefon pintar.

"Saya mengajak petani supaya gunakan teknologi sedia ada di negara kita, ini juga motif kerajaan menggalakkan revolusi pertanian supaya ke arah membantu menampung bekalan makanan negara," katanya kepada pemberita selepas melawat Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Tawau di sini hari ini.

Beliau berkata terdapat pelbagai teknologi moden dari China, Jepun serta Taiwan yang boleh dimanfaatkan, selain Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi turut mengeluarkan pelbagai produk teknologi yang boleh diguna pakai.

Terdahulu, Nik Muhammad Zawawi ketika berucap pada majlis itu mengesyorkan kepada Jabatan Pertanian Sabah agar mengenal pasti kawasan yang lebih luas untuk mewujudkan TKPM baharu bagi membantu melahirkan lebih ramai petani moden.

"Saya cuba ikhtiar melalui kementerian untuk membantu para petani di negeri ini," katanya.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Tawau Abd Samat Injau berkata TKPM di sini merekodkan lebih 400 metrik tan pengeluaran hasil tani termasuk sayur-sayuran dan buah-buahan bernilai lebih RM1.1 juta bagi tempoh Januari sehingga Jun lepas.

Menurutnya, ketika ini terdapat 58 peserta yang mengusahakan pelbagai tanaman di TKPM Tawau yang berkeluasan 96 hektar. – **BERNAMA**




AM

# MAFI laksana kaedah baharu elak kelewatan pembekalan benih padi oleh NAFAS berulang




01/08/2022 01:27 PM

ADVERTISEMENT
-70%
-65%
RM 599

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah melaksanakan beberapa kaedah terbaharu bagi menjamin tiada lagi kelewatan dalam membekalkan benih padi sah kepada petani oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata antara langkah itu ialah melantik 13 pemborong benih padi sah dan 12 syarikat pengeluar melalui pengeluaran lesen borong oleh Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras (KPB).

"Lesen dan permit peruncit pula diberikan kepada ejen, individu atau syarikat yang berdaftar dengan kerajaan dan bernaung di bawah pengeluar/pemborong sedia ada untuk mengedarkan benih padi sah.




"MAFI juga telah memperkenalkan kaedah baharu dalam menambah baik sistem pengedaran benih padi sah sedia ada dengan hanya 30 peratus dilaksanakan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), manakala baki 70 peratus dilaksanakan melalui pemborong lain yang dilantik di seluruh negara," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Katanya lagi, sejak sistem baharu ini dilaksanakan, rantaian pengedaran benih padi sah adalah lebih teratur dan sistematik sekali gus dapat menangani isu kelewatan.

Beliau menjawab soalan Nurul Izzah Anwar (PH-Permatang Pauh) mengenai rasional serta jaminan kementerian bahawa penglibatan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan agensi lainnya tidak akan mengganggu-gugat golongan penternak, pemborong, dan pengangkutan sedia ada setelah NAFAS lewat dalam menurunkan subsidi benih padi kepada petani pada musim1/2021 lalu.




Sejak Januari 2021, NAFAS telah dilantik sebagai pengeluar dan pembekal tunggal untuk benih padi sah.

Hak pengedaran telah diberikan kepada NAFAS secara tunggal sehingga 30 Jun 2021 bagi memberi ruang kepada MAFI untuk meneliti dan melaksanakan proses penambahbaikan kepada sistem sedia ada.

-- BERNAMA






AM

# MAFI sedia bantu petani Sabah guna teknologi tingkat kualiti, pengeluaran tanaman




01/08/2022 05:31 PM

ADVERTISEMENT

TAWAU, 1 Ogos (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersedia memberi pendedahan kepada para petani di Sabah bagi penggunaan teknologi pertanian agar menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti serta hasil keluaran tanaman.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Kedua Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata pihaknya bersedia bekerjasama dan mahu para petani di negeri ini memanfaatkan penggunaan teknologi moden seperti dilakukan petani di Semenanjung Malaysia yang kini mencapai tahap 90 peratus.

"Teknologi dan pertanian perlu berjalan seiring sebab ia boleh membantu meningkatkan hasil berkali ganda dan membantu mengurangkan pelbagai perbelanjaan termasuk kos pekerja dan pengurusan setiap hari, misalnya di Semenanjung ada teknologi canggih siram tanaman hanya dengan menekan aplikasi telefon pintar.




"Saya mengajak petani supaya gunakan teknologi sedia ada di negara kita, ini juga motif kerajaan menggalakkan revolusi pertanian supaya ke arah membantu menampung bekalan makanan negara," katanya kepada pemberita selepas melawat Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Tawau di sini hari ini.

Beliau berkata terdapat pelbagai teknologi moden dari China, Jepun serta Taiwan yang boleh dimanfaatkan, selain Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi turut mengeluarkan pelbagai produk teknologi yang boleh diguna pakai.

Terdahulu, Nik Muhammad Zawawi ketika berucap pada majlis itu mengesyorkan kepada Jabatan Pertanian Sabah agar mengenal pasti kawasan yang lebih luas untuk mewujudkan TKPM baharu bagi membantu melahirkan lebih ramai petani moden.




"Saya cuba ikhtiar melalui kementerian untuk membantu para petani di negeri ini," katanya.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Tawau Abd Samat Injau berkata TKPM di sini merekodkan lebih 400 metrik tan pengeluaran hasil tani termasuk sayur-sayuran dan buah-buahan bernilai lebih RM1.1 juta bagi tempoh Januari sehingga Jun lepas.

Menurutnya, ketika ini terdapat 58 peserta yang mengusahakan pelbagai tanaman di TKPM Tawau yang berkeluasan 96 hektar.

-- BERNAMA



1:21pm 01/08/2022



# "邻国从泰印巴进口鸡肉"·农长承认大马地位受影响！




罗纳建迪（左二）说，政府目前正探讨国内的鸡肉供应的情况才采取下一步行动，包括重新开放出口鸡肉。（档案照）

（吉隆坡1日讯）农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪承认，随着政府早前禁止出口全鸡和活鸡后，一些原本从大马进口鸡肉的国家，如

新加坡及汶莱寻找新的供应，并从泰国、巴西及印尼等进口鸡肉，这间接影响了大马作为鸡肉稳定及可靠出口国的声誉。

他说，政府目前正探讨国内的鸡肉供应的情况才采取下一步行动，包括重新开放出口鸡肉，而政府采取的干预措施也设下了一定的期限。

罗纳建迪指出，目前，国内鸡肉的自给自足率（SSL）达到106%，并面对些许倾销的情况，因此市场上的鸡肉价格低于政府所设定的顶价。

他坦言，自给自足率达到106%，代表有出口的空间；如果有供过于求的情况，政府肯定会开放出口。

罗纳建迪表示，由于数个月前国内的鸡肉供应受到干扰，因此政府采取干预措施以稳定国内的需求，而我国的干预措施也是暂时性的。

他解释，禁止出口的干预措施并不是特殊的情况，因为很多国家在面对国内供不应求的情况时，都会采取这类措施，如之前印度禁止出口小麦、印尼禁止出口棕油等。

打开全文

鸡肉出口

牙膏用太多恐患癌 错误刷牙习惯你都犯了吗?

王嘉尔 924来马出席音乐节 2NE1 CL 923登场

聊天必知50个英文缩写！让你秒懂朋友都在聊什么

《星汉灿烂》神还原小说高糖名场面 “疑商夫妇”番外篇甜到炸锅

Fundamental 基本守市

# 连升两周 综指或健康回调

报道 林嘉琪

**富时隆综指上周持续走高，惟止步于1500点心理关口水平下，分析员认为在攀升逾两周后，本周很大可能出现健康回调。**

回看上周，在美联储最新货币政策会议结果公布前，综指周一到周三时，徘徊在1460点到1470点之间。

直到周四本地时间凌晨美联储宣布升息75个基点后，激励大市掀起走高，而业界股市同样翻翻报捷，综指录得近期内最大约近19点涨幅；周四升高报1472.39点，全天有效走高至闭市时的1491.20点。

到了周五，综指一度冲高至1497.53点，试探1500点大关，惟挑战不成功，最终回落至1492.23点收市。

复丰（FAST）投资组合助理经理李志勇接受《南洋商报》采访时说：“这不止发生在大马市场，全球都看到积极的走向，尤其是欧美市场，皆录有大幅度上涨。”


李志勇

他解释，这主要是因为有美联储升息政策结果所致。

“因为投资者很担心美联储升息对股市造成不利影响，毕竟7月公布的惊人9.1%通胀数据，致使市场一度预料美联储会升息100个基点，而股市在那时已经先跌一轮了。”

不过，看到随后经济有所放缓后，略微解除了投资者对美联储更积极升息的担忧。

此外，李志勇称本地反跳槽法的通过，同样提振了大马股走势。

“尽管这个法案通过不会


黄思远

立刻带来明显的好处，但长远来看，我们的政治不确定因素能够降低，这多少给了市场与外资信心。”

展望本周，李志勇表示很有可能会出现回调现象，毕竟过去两周已经上涨太多。

“我们看到中国在6月上演大反弹后，就在7月出现回调迹象，这是很健康的状况。”

“重点是要看综指未来是否真的能摆脱先前低迷氛围。这就要看在渡过本周回调后，所出现的下阶段回调是否更严重。”

## 有套利空间

另一方面，股票策略研究员黄思远也持相似看法，认为本周马股有套利空间。

“除了可能出现的回调，加上市场情绪良好，可以看见一些中小股有推动力，毕竟先前已经超卖了。”







同时，黄思远认为综指的阻力在1500点，若突破，上探1530点；首道支撑则在1470点，若跌破，则下探更加坚固的1460点。

“在本周潜在出现的回调下，综指很大机会能守住1450点。”

另外，两位市场专家均认为，短期内股市暂时没有其他任何关键因素，但投资者可以留意8月下旬即将到来的马股财报季。

李志勇说：“现阶段已经有部分业绩出炉了，目前看到的表现都算不错，盈利普遍按年上涨，这点不让人意外，毕竟去年的比较基础低。”

## 避开油气种植股

李志勇认为，取决于投资者投资周期，但当前短期交投风险太大，因为波动性太高了。

### 趁低吸纳优质股

“短期来说，油价走向、通胀压力、经济放缓和利率上涨，都会影响短期股价走势，但区域股市都下跌很多，所以可以按照投资者自身原有的风险偏好逐渐入场。”

“建议中长期投资者，投寻好的股项来趁低吸纳。”

领域方面，他看好价格已经受到打压的科技股，再来则可留意建筑相关股项。

同时，他建议避开估值过高的油气领域，及未来前景充满挑战的种植股。

另一方面，黄思远认为当前不太适合进场，反而更适合套利。

“不过，成长股都可以注意，目前看到的业绩盈利都有在增长。”

他点名投资者可以留意的成长股领域，包括塑料股、科技股和消费股等。

大马交易所资金流向统计（亿令吉）

| | 本地散户 | | 本地机构 | | 外资 | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 买入 | 卖出 | 买入 | 卖出 | 买入 | 卖出 |
| 周一 | 3.1056 | 3.2415 | 5.2331 | 5.3464 | 2.8533 | 2.6021 |
| 周二 | 3.2564 | 3.2684 | 6.1726 | 6.0203 | 2.7827 | 2.8328 |
| 周三 | 3.3304 | 3.4659 | 6.7073 | 7.0764 | 3.5810 | 3.0768 |
| 周四 | 4.6556 | 4.7522 | 9.3302 | 9.9564 | 4.1434 | 3.4185 |
| 周五 | 5.1523 | 5.5952 | 9.3296 | 9.0757 | 5.3201 | 5.1311 |
| 净额 | -0.8229 | | -0.7064 | | 1.6294 | |
| 前周净额 | 0.5305 | | -0.2507 | | -0.2766 | |

### 本周利好

- 经济稳定复苏
- 美联储升息无意外
- 国内防疫措施宽松

### 本周利淡

- 乌克兰战争未果
- 中国供应链持续中断

### 注意事项

- 8月1日（周一）：英国7月制造业采购经理指数、美国7月制造业采购经理指数
- 8月2日（周二）：美国6月工作空缺
- 8月3日（周三）：美国原油库存
- 8月4日（周四）：英国央行货币政策议息决策、美国初请失业人数
- 9月5日（周五）：美国7月非农数据

大马交易所成交量与成交值

| | 成交量（百万股） | 成交值（百万令吉） |
|---|---|---|
| 前周成交量 | 10,819.940 | 6,932.405 |
| 上周成交量 | 12,232.062 | 7,496.121 |
| 变动率（%） | +13.05 | +8.13 |

马股各领域本益比（倍）

| | | | |
|---|---|---|---|
| 工业产品与服务 | 11.54 | 金融服务 | 12.91 |
| 消费产品与服务 | 18.67 | 建筑 | 41.51 |
| 产业 | 26.25 | 种植 | 9.00 |
| 科技 | 23.86 | 保健 | 9.71 |
| 电讯与媒体 | 27.48 | 交通与物流 | 24.65 |
| 公用事业 | 14.49 | 产托 | 26.86 |



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 2/8/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 19 |

DEWAN RAKYAT

# Mafi beri jaminan tiada kelewatan dapatkan benih padi

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) memberi jaminan tiada kelewatan dalam mendapatkan benih padi sah mulai Julai tahun lalu atau musim 2/2021.

***Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee*** berkata, pihaknya mengakui wujud masalah membabitkan isu pengedaran benih padi sah bagi musim 1/2021.

Menurutnya, kementeriannya juga sudah melaksanakan beberapa pendekatan bagi menjamin tiada kelewatan dalam mendapatkan benih padi sah.

Katanya, ia membabitkan pelantikan 13 pemborong benih padi sah dan 12 syarikat pengeluar melalui pengeluaran lesen borong oleh Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras (KPB).

"Lesen dan permit peruncit diberi kepada ejen, individu atau syarikat berdaftar dengan kerajaan dan bernaung di bawah pengeluar atau pemborong sedia ada untuk mengedarkan benih padi sah.

"Mafi juga memperkenalkan kaedah baharu dalam menambahbaik sistem pengedaran benih padi sah sedia ada iaitu hanya 30 peratus dilaksanakan PPK, manakala bakinya melalui pemborong lain dilantik di seluruh negara.

"Sejak sistem baharu ini dilaksanakan, rantaian pengedaran benih padi sah lebih teratur dan sistematik, sekali gus isu kelewatan juga dapat ditangani," katanya di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

> "Mafi perkenal kaedah baharu penambahbaik sistem pengedaran benih padi sah
> Dr Ronald Kiandee

***Beliau menjawab soalan Nurul Izzah Anwar (PKR-Permatang Pauh)*** mengenai kelewatan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menurunkan subsidi benih padi kepada petani, selain rasional dan jaminan Mafi dan agensinya tidak mengganggu golongan penternak.

Sementara itu, Ronald menafikan pembabitan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), agensi dan pihak swasta bagi program Mafi akan mengganggu golongan sasar kementerian itu.

Sebaliknya, katanya, pembabitan pihak berkenaan bertujuan menambah baik penyampaian perkhidmatan dalam suasana ekonomi pasca Covid-19 dan landskap ekonomi global semakin kompetitif.

"Kolaborasi awam-swasta juga disebut dalam Teras Dasar 2, Strategi 1 dan 2, Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) adalah sebagai pelengkap dan mengukuhkan lagi rantaian bekalan makanan negara," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/8/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 7 |


# Kementerian jamin atasi isu kelewatan benih padi

**Kementerian** Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan tiada kelewatan dalam mendapatkan benih padi sah, mulai Julai 2021 atau musim 2/2021.

Jaminan itu diberikan Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee yang mengakui wujud masalah membabitkan isu pengedaran benih padi sah bagi musim 1/2021.

Beliau berkata, kementeriannya juga sudah melaksanakan beberapa pendekatan bagi menjamin tiada kelewatan dalam mendapatkan benih padi sah.

Katanya, ia membabitkan pelantikan 13 pemborong benih padi sah dan 12 syarikat pengeluar, melalui pengeluaran lesen borong oleh Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras (KPB).

"Lesen dan permit peruncit diberi kepada ejen, individu atau syarikat berdaftar dengan kerajaan dan bernaung di bawah pengeluar atau pemborong sedia ada untuk mengedarkan benih padi sah.

"MAFI juga sudah memperkenal kaedah baharu dalam menambah baik sistem pengedaran benih padi sah sedia ada iaitu hanya 30 peratus dilaksanakan PPK, manakala bakinya melalui pemborong lain dilantik di seluruh negara.

"Sejak sistem baharu ini dilaksanakan, rantaian pengedaran benih padi sah lebih teratur dan sistematik, sekali gus isu kelewatan juga dapat ditangani," katanya di Dewan Rakyat, semalam.



*Ronald pada Sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam.*
(Foto BERNAMA)

Beliau menjawab soalan Nurul Izzah Anwar (PKR-Permatang Pauh) mengenai kelewatan NAFAS menurunkan subsidi benih padi kepada petani, selain rasional dan jaminan MAFI dan agensinya tidak mengganggu golongan penternak.

## Tambah baik khidmat

Sementara itu, Ronald menafikan pembabitan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), agensi dan pihak swasta bagi program MAFI akan mengganggu golongan sasar kementerian itu.

Sebaliknya, beliau berkata, pembabitan pihak berkenaan bertujuan menambah baik penyampaian perkhidmatan dalam suasana ekonomi pasca COVID-19 dan landskap ekonomi global semakin kompetitif.

"Kolaborasi awam-swasta juga disebut dalam Teras Dasar 2, Strategi 1 dan 2, Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) adalah sebagai pelengkap dan mengukuhkan lagi rantaian bekalan makanan negara.

"Melalui rangka kerjasama strategik antara kerajaan dan swasta, maka tidak timbul isu GLC, GLIC dan agensi lainnya akan mengganggu-gugat golongan sasar MAFI," katanya.

# AGC, MAFI ditegur gagal perkasa bahasa Malaysia ketika bentang RUU

**Jabatan** Peguam Negara (AGC) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) ditegur kerana tidak memperkasa penggunaan bahasa Malaysia dalam draf rang undang-undang (RUU) dibentangkan di Dewan Rakyat.

Mengikut Aturan Urusan Mesyuarat (AUM) Dewan Rakyat, MAFI semalam, dijadual membentangkan bacaan kali kedua RUU Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2022 untuk dibahaskan.

Timbalan Yang Dipertuanya, Datuk Ramli Mohd Nor, ketika meluahkan kekecewaannya meminta AGC dan kementerian berkaitan menyemak draf RUU yang mahu dibentangkan di Dewan Rakyat.

Beliau yang bersetuju dengan perihal dibangkitkan Cha Kee Chin (DAP-Rasah) itu antara lain menyifatkan tindakan sedemikian sebagai perspektif yang perlu dititikberatkan semua pihak.

"RUU dibahaskan di Dewan inikalau kita lihat dalam (versi) teksbahasa Malaysia ada bahasa Inggeris. Kalau Yang Berhormat lihat, apa bezanya 'sheep' dan 'goat'? 'Sheep' dan 'goat' itu apa (terjemahannya) dalam bahasa Malaysia?

"Saya mohon pihak kementerian, terutama Bahagian Draf AGC, sebelum teks RUU berwarna biru ini dibentang, tolonglah semak betul-betul.

"Kita mahukan keabsahan di Dewan ini, sila ambil maklum ya AGC dan kementerian berkenaan yang membentangkan RUU di Dewan ini," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Kee Chin berhubung tindakan AGC mencampuradukkan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris pada draf RUU versi bahasa Kebangsaan yang dibentangkan di Dewan Rakyat.

## Arah semak ejaan

Ramli sebelum menangguhkan sesi perbahasan RUU berkenaan turut membuat teguran kepada AGC supaya menyemak ejaan sebelum menerbitkan draf RUU, terutama berbahasa Inggeris.

"Sebelum kita berehat, saya ada bertanya kepada Setiausaha Dewan Rakyat. Draf rasmi RUU adalah berbahasa Inggeris, tetapi kalau kita lihat versi bahasa Inggeris ada ejaan tidak betul.

"Saya tak pernah tengok lagi ejaan *rabbit* atau ini adakah binatang baharu? Mohon pihak MAFI ambil maklum, mungkin dalam masa perbahasan (peringkat) jawatankuasa nanti perkara ini akan timbul.

"Peguam Negara pun, sebelum (draf RUU) ini keluar daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad, mohonlah semak betul-betul. Kualiti dilihat semakin teruk," katanya yang juga Ahli Parlimen Cameron Highlands.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/8/2022 | KOSMO | NEGARA | 6 |

# MAFI jamin tiada kelewatan agihan bekalan benih padi sah

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan golongan pesawah di negara ini tidak lagi berdepan dengan kelewatan penghantaran bekalan benih padi sah.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, kaedah baharu pengedaran benih padi adalah dengan 30 peratus diedarkan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), manakala baki 70 peratus lagi disalurkan pemborong yang dilantik di seluruh negara.

Selain itu, katanya, pendekatan lain adalah melantik 13 pemborong benih padi sah dan 12 syarikat pengeluar, melalui pengeluaran lesen borong oleh Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras (KPB).

"Lesen dan permit peruncit diberi kepada ejen, individu atau syarikat berdaftar dengan kerajaan dan bernaung di bawah pengeluar atau pemborong sedia ada untuk mengedar benih padi sah.

"Sejak sistem baharu ini dilaksanakan, rantaian pengedaran benih padi sah lebih teratur dan sistematik sekali gus isu kelewatan pengedaran benih padi dapat ditangani," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Nurul Izzah Anwar (**PH-Permatang Pauh**) yang ingin tahu mengenai kelewatan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menurunkan subsidi benih padi kepada petani, selain rasional dan jaminan MAFI serta agensinya tidak mengganggu golongan penternak.

Ronald turut menafikan dakwaan pembabitan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), agensi dan pihak swasta bagi program MAFI akan mengganggu golongan sasar kementerian itu.

Sebaliknya, beliau berkata, pembabitan pihak berkenaan bertujuan menambah baik penyampaian perkhidmatan dalam suasana ekonomi pasca Covid-19 dan landskap ekonomi global semakin kompetitif.



**MAFI guna kaedah baharu agih benih padi sah kepada pesawah.** – GAMBAR HIASAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/8/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 9 |

# GLC, GLIC tidak ganggu golongan sasar MAFI - Ronald

**KUALA LUMPUR** - Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee menegaskan penglibatan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan agensi berkaitan lain tidak akan mengganggu-gugat golongan sasar Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).



RONALD KIANDEE

Sebaliknya, beliau berkata, penglibatan kumpulan itu termasuk pihak swasta dalam mana-mana program kementerian adalah bertujuan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan MAFI dalam suasana ekonomi pasca Covid-19 dan landskap ekonomi global yang semakin kompetitif.

"Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 (DAN 2.0) adalah sebagai pelengkap dan mengukuhkan lagi rantaian bekalan makanan negara. Dengan rangka kerjasama strategik antara Kerajaan dan swasta, maka tidak timbul isu GLC, GLIC dan agensi lainnya akan mengganggu-gugat golongan sasar MAFI," katanya menjawab pertanyaan **Nurul Izzah Anwar (PH-Permatang Pauh)** yang memintanya menyatakan setelah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) lewat dalam menurunkan subsidi benih padi kepada petani, apakah rasional serta jaminan kementerian penglibatan GLC, GLIC dan agensi lainnya tidak akan mengganggu-gugat golongan penternak, pemborong, dan pengangkutan.

Menyentuh mengenai kelewatan pengedaran benih padi sah semasa Musim 1/2021, Ronald mengakui berlaku sedikit kelewatan, namun memberi jaminan untuk segera menangani isu itu.

Justeru katanya, bagi menjaminkan tiada kelewatan dalam mendapatkan benih padi sah, MAFI telah melantik 13 pemborong benih padi sah dan 12 syarikat pengeluar melalui pengeluaran lesen borong oleh Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras (KPB).

Ujarnya, lesen dan permit peruncit juga diberikan kepada agen, individu atau syarikat yang berdaftar dengan kerajaan dan bernaung di bawah pengeluar atau pemborong sedia ada untuk mengedarkan benih padi sah.

"MAFI juga telah memperkenalkan kaedah baharu dalam menambah baik sistem pengedaran benih padi sah sedia ada di mana hanya 30 peratus dilaksanakan oleh PPK dan manakala baki 70 peratus dilaksanakan melalui pemborong lain yang dilantik di seluruh negara," kata beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/8/2022 | KOSMO | MUKA DEPAN | 1 |



AUTHOR: No author available SECTION: NATION PAGE: 4 PRINTED SIZE: 90.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 2,727.00 ITEM ID: MY0049113605



02 AUG, 2022

# FAMA amendment passed on third reading

Sin Chew Daily, Malaysia



## FAMA修正案三讀通過
## 擴大農畜類別供應鏈

（吉隆坡1日讯）国会下议院今日以声浪表决方式，三读通过2022年联邦农业销售局（修正）案。

较早时，农业及食物工业部副部长拿督斯里阿末韩查进行法案二读时说，法案旨在修正1965年联邦农业销售局（FAMA）（141法令）法令，以纳入和扩大农业畜牧类别，即纳入牛肉（包括水牛）、羊肉，绵羊，鹿，兔子和家禽如鸡只，鸭和雉科鸟类。

"同时，援通过法案也将赋予FAMA更大权限，以稳定上述各种肉类的供应链，以加强中小型业者的资本与行销能力。"

他说，截至2022年6月30日，FAMA透过各种出口计划下，写下4400万令吉总销售额，也即是通过间接和直接销售活动，FAMA一年所缔造的平均销售价值，达到30亿令吉。

针对法案是根据国文版或英文版本的疑问，阿末韩查在二读辩论总结时说，由于1965年制定的联邦农业销售局法令只有英文版本，仍未翻译成国文，所以按照的文本都是该英文版。

他说，"Rabbit"会连带出现开关引号，并非因它拥有其他意思，而是当年法令版本就已如此，农业部是按照原先英文版本来写成。

他也指出，此法案和其他带上国会的修正法案一样，农业部都有依据正规程序来修正，包括必须提呈给总检察署以寻求批准，所有步骤符合法律要求。

另外，针对行动党亚沙区国会议员胡琪清要求也将生猪纳入该法案的其中一类家禽选项时，阿末韩查说，生猪产业向来由私人企业致力于开拓发展，此行业的生态系统应持续由原有商业模式带动和发展，所以农业部没将生猪纳入其中。

他说，法案附表三的类别选项，主要是农业部与大马生产力机构联合展开的标准监管影响评估（SRIA）分析，并从利益相关者手中获取资料，而制定成附表三的6大类。



02 AUG, 2022

# FAMA amendment passed on third reading

Sin Chew Daily, Malaysia



## SUMMARIES

FAMA修正案三讀通過 擴大農畜類別供應鏈

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/8/2022 | NST | NEWS | 3 |



AT THE DEWAN RAKYAT



*A farmer feeding his goats. Amendments to the Federal Agricultural Marketing Authority Act 1965 expand the meaning of 'agricultural produce' to include animals.* FILE PIC

EMPOWERING PRODUCERS

# Livestock marketing back under Fama

**THE** Dewan Rakyat yesterday approved amendments to the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) Act 1965, which return the governance of livestock marketing to Fama.

Deputy Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ahmad Hamzah said the changes to the law expanded the interpretation of agriculture produce to cover livestock.

These include ruminants, such as cattle, goat, sheep and deer, rabbit, and poultry, including chicken, quail and duck.

The amendments also gave Fama the mandate to stabilise the food supply chain, which impacts capital capability and marketing, especially among small and medium producers, he said.

"Fama's involvement (will be) either through marketing by strengthening strategic cooperation with industry, or directly through sales at farms.

"When Fama was established in 1965, it was empowered to manage the marketing of livestock, whether slaughtered or their products. However, the power was transferred to Maju Ternak, which was established through the National Livestock Development Authority Act in 1973," he said during the debate

The board was abolished in 1983, leaving Malaysia without an agency for livestock marketing.

The bill, he said, would return this function to Fama.

"The ministry aims to boost the development of the livestock sector to safeguard the country's food security. It will also indirectly increase the agrofood sector's contribution to the country's gross domestic product (GDP) by empowering small and semi-commercial farmers."

He said the amendment to Section 1A of the Act included an expansion of the meaning of "agricultural produce" to include animals, carcasses and other by-products stated in Schedule Three.

Up to June 30, Fama recorded sales potential worth RM44 million under its export development programmes, he said.

"An average of RM3 billion in sales are generated annually through Fama's direct and indirect services that contribute to 5.9 per cent of the country's agrofood market value."

In his wrap-up speech, Ahmad said Fama received an annual development expenditure under the national budget, part of which was placed in its working capital, maintained at RM20 million every year.

He said the efficiency of the distribution network influenced prices and Fama had the facilities, such as cold rooms and lorries, to ensure that there were no supply disruptions.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/8/2022 | SARAWAK VOICE | ONLINE | |


# Harga keperluan harian murah



LEN Talif Salleh hadir merasmikan PJKM di Ta Seng Cold Storage (Susur Jambu) sambil diiringi Mohamad Zawawi dan Abang Porkan.

**SARIKEI:** Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) terbukti mendapat sambutan apabila merekodkan transaksi jualan memberangsangkan sepanjang tempoh tujuh bulan penganjurannya di bahagian ini.

Sehubungan itu, sebanyak RM548,475.41 direkodkan melalui penganjuran PJKM di semua kawasan parlimen bahagian Sarikei sejak Januari hingga Julai lalu. Sehingga kini PJKM Sarikei dilaksanakan sebanyak 24 kali dengan kerjasama Kementerian Pertanian, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Libat urus berterusan bersama-sama peniaga sebagai rakan strategik turut membantu kejayaan program berkenaan.

Program terkini diadakan di Ta Seng Cold Storage (Susur Jambu) yang merupakan salah satu rakan strategik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), semalam.

Semasa menyempurnakan perasmiannya, Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar Datuk Len Talif Salleh berkata, perkembangan itu membuktikan PJKM mencapai matlamatnya membantu meringankan beban kos sara hidup terutama golongan berpendapatan rendah (B40).

Malah katanya, PJKM sangat signifikan dalam membantu rakyat untuk mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian dengan harga yang murah."Saya melihat sendiri respons orang ramai terhadap program ini dan maklum balas yang diterima, rata-rata pengguna memberi sambutan yang cukup baik.

Terima kasih atas usaha Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi."Sehubungan itu, saya juga berharap pelaksanaannya boleh membantu meringankan beban rakyat," katanya.

Antara barang-barang keperluan yang dijual semasa program tersebut ialah, gula, tepung, beras, barangan yang sudah diproses, ayam, ikan, telur, sayur-sayuran dan minyak masak.

Adun Kuala Rajang itu turut menawarkan potongan harga tambahan ke atas beberapa barangan kepada penduduk yang berkunjung ke PJKM Susur Jambu bermula Sabtu hingga Ahad.

Dalam pada itu, PJKM diharap dapat melegakan bebanan rakyat selain memastikan peniaga kekal beretika sekali gus menyedarkan masyarakat terhadap tanggungjawab mereka sebagai pengguna.

Sebelum ini, program turut melibatkan penyertaan rakan strategik KPDNHEP seperti Indai Minimarket Pakan dan Doremart Supermarket.Ketua KPDNHEP cawangan Sarikei, Mohamad Zawawi dan Timbalan Residen, Abang Porkan Abang Budiman turut hadir.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/8/2022 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

# Bekalan ayam pulih, melebihi keperluan dalam negara

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekalan ayam di negara ini kembali pulih dan stabil dengan kapasiti 106 peratus melebihi keperluan negara hasil beberapa langkah proaktif yang diambil kerajaan sejak beberapa bulan lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee, berkata kapasiti ayam yang melebihi keperluan itu sekali gus membolehkan negara kembali mengeksport ayam ke luar negara.

"Ketika ini kita mampu menghasilkan 106 peratus daripada kadar keperluan mampu diri (SSL) negara. Kita sudah berada dalam kapasiti untuk mengeksport bekalan ayam daripada negara kita.

"Beberapa bulan lalu memang kita berhadapan dengan gangguan. Sebab itu beberapa langkah dan tindakan diambil kerajaan untuk stabilkan keadaan bekalan ayam negara kita.

Nasional 4

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/8/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 22 |

# 'Pembeli pernah tawar RM30,000 untuk dapat Tam'

**Nilai:** "Sebelum ini saya menternak kira-kira 200 lembu kampung sebelum berjinak-jinak memelihara lembu sado sejak tiga tahun lalu. Kini saya memiliki 40 lembu sado baka Angus, Limousin, Chevrolet dan Brahman," ujar 'jutawan lembu sado', Azrin Anil Khalid, 26.

Menurutnya, dia menjual separuh daripada lembu kampung untuk mendapatkan modal bagi projek lembu sado berkenaan.

"Baka ini diperoleh menerusi teknologi permanian berhadas menggunakan baka import dengan mendapatkan khidmat Jabatan Veterinar.

"Berbanding lembu kampung, lembu sado ini mampu menjana pendapatan lebih tinggi kerana dagingnya lebih banyak, sekali gus membuatkan nilainya meningkat berkali ganda berbanding lembu biasa," katanya ketika ditemui.

Azrin Anil yang mempunyai pengalaman sembilan tahun dalam bidang ternakan lembu berkata, buat masa ini dia hanya menjual daging lembu sado pada musim perayaan sahaja.




AZRIN Anil (kanan) bersama Tam, lembu sado jantan kesayangannya ketika ditemui pada Negeri Sembilan Festival 2022 di Dataran Nilai. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

Menurutnya, buat masa ini dia belum berhasrat menjual lembu sado peliharaannya kepada sesiapa kerana belum puas menjaganya.

"Saya pernah ditawarkan lebih RM30,000 namun enggan melepaskan lembu jantan sado bernama Tam yang memiliki saiz lebih besar berbanding lembu lain.

Azrin memaklumkan lembu daripada baka Angus seberat 730 kilogram (kg) itu diperoleh hasil permanian berhadas baka luar negara dengan kerjasama Jabatan Veterinar.

Bercerita mengenai penjagaan lembu sado, Azrin berkata, ramai beranggapan dengan fizikal lembu sado yang besar, haiwan itu garang, namun ia sebaliknya.

"Ia bergantung kepada cara penjagaan, dan jika lembu itu selalu 'dibelai' ia boleh menjadi haiwan yang manja. Sebab itu juga saya sangat sayangkan Tam.

"Walaupun masih baharu dalam bidang ternakan lembu, tapi percaturan saya beralih angin kepada lembu sado ini boleh dianggap berbaloi," katanya yang mempunyai kandang di Port Dickson.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/8/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 22 |


# Ditawar RM30,000 untuk jual 'Tam'

## Lembu sado jantan baka Angus seberat 730 kilogram itu sangat bermakna bagi Azrin

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
NILAI

Meskipun pernah ditawarkan lebih daripada RM30,000 untuk membeli lembu sado peliharaannya yang diberi nama 'Tam', namun Azrin Anil Khalid, 26, tetap tidak menjualnya.

Bagi Azrin, lembu sado jantan baka Angus seberat 730 kilogram itu sangat bermakna baginya lebih-lebih lagi 'Tam' merupakan lembu sado paling besar dimilikinya.

"Selain baka Angus, saya ada 40 ekor lembu kategori sado lain antaranya baka Limousin, Chevrolet dan Brahman.

"Tapi si 'Tam' ini yang paling besar dan manja dengan saya. Sebab itu bila ada seorang penternak dari Rembau yang mahu membelinya dengan tawarkan harga sekali ganda, saya menolaknya," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di Negeri Sembilan Fest pada Ahad.

Menurutnya, mungkin ramai beranggapan dengan fizikal lembu sado yang besar, haiwan itu garang, tetapi sebenarnya tidak.

Ujarnya, ia bergantung kepada cara penjagaan dan jika lembu itu selalu 'dibelai' ia boleh menjadi haiwan yang manja.

Tambahnya, sebelum ini dia memelihara 200 ekor lembu kampung, tetapi sejak tiga tahun lalu mula berjinak-jinak memelihara lembu sado.

"Saya jual separuh lembu kampung saya sebab nak dapatkan modal untuk projek lembu sado dengan menggunakan teknologi permanian berhadas menggunakan baka import dengan mendapatkan khidmat Jabatan Veterinar.

"Berbanding lembu kampung, lembu sado ini pendapatannya tinggi kerana dagingnya banyak yang mana nilainya dua kali ganda daripada lembu biasa," katanya.

Azrin yang merupakan anak bongsu daripada lima beradik berkata, buat masa ini dia hanya menjual daging lembu sado pada musim perayaan.

Malah buat masa ini dia masih belum berhasrat menjual lembu sado peliharaannya kepada sesiapa kerana masih belum puas menjaganya.

"Walaupun masih baharu dalam bidang ternakan lembu sado, tapi percaturan saya bertukar kepada lembu sado ini boleh dianggap berbaloi," katanya yang mempunyai kandang lembu di Port Dickson.

> *"Berbanding lembu kampung, lembu sado ini pendapatannya tinggi kerana dagingnya banyak yang mana nilainya dua kali ganda daripada lembu biasa."*
>
> \- Azrin



Azrin masih belum bersedia menjual 'Tam'.



Walaupun sado dan bersaiz besar 'Tam', seekor lembu yang jinak.



Azrin memberi 'Tam' makan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/8/2022 | THE STAR | NATION | 3 |


# Relief as chicken supply stabilising in Klang Valley


By JUNAID IBRAHIM
newsdesk@thestar.com.my


PETALING JAYA: The supply of whole chicken has generally recovered and stabilised in some parts of the Klang Valley.

Homemaker Wong Ee Ling, 55, said she noticed an increase in chicken supply at her local grocer in Cheras.

She added that at the height of the whole chicken shortage, there was barely any stock at the store by mid-morning.

But the situation has now changed.

"A few months ago, I needed to come to the store very early in the morning because by 10am the supply would have run out.

"But now, I notice that there is a larger supply of chicken," she said, adding that the stores in her area still sell according to the advised ceiling price.

Yesterday, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiandee said there was currently an oversupply of chicken in the market following "effective" intervention measures taken by the government to stabilise supplies.

Another homemaker, Looi, who prefers her first name, said the stock for whole chicken had also increased at her local market in Petaling Jaya.

However, she said the ceiling price for chicken was not observed in all shops.

"There were a few sellers who sold higher than the ceiling price. I'm not sure why.

"However, generally most of the sellers have reduced their prices as there is more supply now," she added.

A customer service executive known as Fadzli, 31, said he also noticed that there was more chicken supply now at his local supermarket in Kuala Lumpur.

"Compared to a few months ago, I think the supply has stabilised and the price is more reasonable now," he said.

Chicken seller Mohammad Faiz Yahaya said there was enough poultry supply at his store and prices had gone down.

"I used to sell chicken at RM8.80 per kg when the supply was low, but now I can sell it at RM6.80 per kg.

"I think the price for a kilogramme of chicken has stabilised and I can now sell up to 50 birds per day," he said at his shop in Kampung Melayu Subang, Selangor.

Another chicken supplier from Batu Caves, Selangor, who only wished to be known as Adi, agreed, saying that the chicken supply currently was enough.

However, he warned that the shortage could possibly recur.

"The supply for chicken is back to normal.

"But there might be a decrease soon as the cost of production is still expensive.

"This is because the price for chicken feed is still very high and some farmers cannot afford to produce more," he said.

Adi suggested that the government look into the cost of producing chicken and monitor the price of chicken feed.